

IQRA'

Bil. 3/2022
MAC

eISBN : 2735-1920



**Majlis Tazkirah Bulan Mac 2022:
Topik Transgender**
PTAR Shah Alam - muka 4



**Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung:
Encik Wan Abdul Rahim Wan Omar**
PTAR Segamat - muka 17



**Taklimat Orientasi Perpustakaan & Lawatan
Berpandu Kepada Pelajar Baharu**
PTAR Sungai Dungun - muka 30




**Bengkel Pemantapan Pengurusan Pusat
Sumber Kolej Komuniti Tapah, PTAR Tapah**
PTAR Tapah - muka 51



**LIVE@PTAR Bicara Bersama Pakar Mata:
Glaukoma: Pencuri Senyap Penglihatan**
PTAR Hospital UiTM - muka 54

PROMOSI@PTAR



Kata alu-aluan Ketua Timbalan Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, IQRA' telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang redaksi IQRA' dan penulis di Perpustakaan UiTM keseluruhannya. Setiap keluaran IQRA' menghimpunkan pelbagai berita yang berlangsung di Perpustakaan UiTM, samada berbentuk program, aktiviti, latihan, lawatan, ceramah, sukan, pencapaian dan khidmat masyarakat.



Encik Jamalludin Haji Sulaiman

Ketua Timbalan Pustakawan UiTM

IQRA' ialah wadah penghubung antara Perpustakaan UiTM dan pembaca. Berita-berita yang diterbitkan mencerminkan kesungguhan perpustakaan melaksanakan amanah mengemudi perpustakaan demi melihat kejayaan anak bangsa pada masa hadapan. Tidak lengkap rasanya jika himpunan berita ini tidak diterbitkan demi rujukan generasi akan datang.

IQRA' telah diterbitkan secara digital dalam format buku elektronik sejak tahun 2016. Ini bermakna telah enam tahun IQRA' menyimpan berita tentang Perpustakaan UiTM secara atas talian . Kini IQRA' telah diterbitkan dalam format portal berita digital dan menjadikan akses pembaca kini lebih pantas.

Suatu hari nanti, IQRA' akan mempunyai nilainya yang tersendiri terutama di kalangan penyelidik yang ingin merujuk tentang Perpustakaan UiTM. IQRA' dan penulisan perlu bergerak seiring. Penulisan ialah salah satu aktiviti pembudayaan ilmu. Penulisan bermula hasil cetusan daripada pembacaan menerusi pelbagai medium maklumat, samada ber cetak mahupun elektronik. Melalui penulisan, ilmu pengetahuan individu akan berkembang dan mendorong kepada penciptaan maklumat baharu. Memetik kata-kata penulis tersohor Indonesia, Pramoedya Ananta Toer, "Orang boleh pandai setinggi langit, tapi selama ia tidak menulis, ia akan hilang dalam masyarakat dan dari sejarah. Menulis adalah bekerja untuk keabadian".

Akhir kata, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi IQRA' serta para penulis yang telah menyumbang kepada penerbitan IQRA' kali ini. Semoga jasa baik tuan/puan akan dibalas dengan sebaik-baik balasan jua.

Wassalam.

Encik Jamalludin bin Haji Sulaiman,
Ketua Timbalan Pustakawan.
Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan UiTM.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

Sidang Redaksi

IQRA'

PENASIHAT

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

En. Norhazlan bin Nordin

PENYELARAS

Pn. Asmah binti Sabtu

REKA BENTUK GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kasim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Muhammad Azim A'nsori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azhar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Cik Nordiana Tukijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin

KEKERAPAN KELUARAN: 12 KELUARAN SETIAP TAHUN

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.




Mendepani cabaran semasa dengan ilmu yang sedikit adalah sukar. Tambahan pula dengan ketiadaan maklumat tentang punca dan penyelesaian terbaik bagi mendepani isu semasa akan menambahkan beban cabaran di kalangan umat Islam hari ini.

Pemilihan topik transgender sebagai topik tazkirah bulan Mac tahun 2022 adalah bertepatan sementelah negara disajikan dengan isu ini sejak tahun 2019. Ikon transgender seperti Sajat dan Lucinta Luna (sekadar menamakan) menambah kebimbangan masyarakat samada perlu dibantu atau dipinggirkan sahaja golongan ini.

Perkongsian ilmu transgender daripada sudut agama dan ditambah dengan pengalaman luas penceramah Ustazah Norfaizah Yahya telah menjadikan sesi tazkirah kali ini berbeza daripada sebelumnya. Ustazah Norfaizah telah menghuraikan permulaan isu transgender iaitu bermula dengan kaum Nabi Luth apabila perlakuan homoseksual berlaku dengan meluasnya. Ustazah Norfaizah turut menyorot kembali pengalaman beliau bertugas bersama golongan transgender telah mengundang tawa penonton.

Program tazkirah yang berlangsung selama satu jam menerusi atas talian turut berkongsi ilmu mengenai status golongan transgender di Malaysia, apakah hak yang sedang diperjuangkan dan kaedah pengendalian jenazah golongan ini. Sebelum program berakhir, dua soalan dikemukakan oleh penonton berkenaan kaedah terbaik berhadapan golongan transgender dan batasan aurat golongan ini.

Sejumlah 95 orang penonton telah menyertai program tazkirah ini yang telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Kecil Tazkirah PTAR. Program ini telah dihadiri oleh ketua-ketua jabatan, pengurus jawatankuasa tazkirah Encik Asraf Zamani bin Hazim, staf profesional dan staf sokongan. Puan Asmah Sabtu telah bertindak selaku pengacara program kali ini.




WEBINAR SERIES WRITING@PTAR

15 - 18 MAC 2022

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Seiring dengan halatuju universiti yang menggalakkan aktiviti penulisan dikalangan warganya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan satu siri webinar Penulisan PTAR yang disampaikan oleh penyelidik dan perunding berpengalaman.

Siri webinar penulisan yang berlangsung selama empat hari berturut-turut bermula 15 Mac 2022, membariskan empat orang panel iaitu Professor Ts. Dr. Mohamad Rusop Mahmood, Encik Nicholas Park, Puan Siti Rohayu Mohd Yusop dan Professor Madya Dr. Cham Tat Huei.

Sejumlah 722 orang peserta yang menghadiri siri webinar penulisan ini telah didedahkan dengan empat segmen penting di dalam penulisan ilmiah iaitu Mentor Penulisan siri 1 dan 2, Asas Penulisan: Bagaimana Menulis Manuskrip, Kepentingan Penyelidikan Kolaboratif: Web of Science dan Penerbitan Jurnal Antarabangsa: Tips Utama untuk Penyelidik.

Webinar Penulisan@PTAR ini telah mendapat maklumbalas yang positif daripada peserta yang hadir daripada kalangan penyelidik dan pensyarah universiti. Siri webinar seumpamanya adalah yang julung kali diadakan di peringkat universiti, bertujuan menimbulkan minat menulis dan menggalakkan aktiviti penulisan secara kolaboratif.

Setinggi penghargaan ditujukan kepada penganjur siri webinar Penulisan@PTAR iaitu barisan staf Bahagian Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan yang diketuai oleh Puan Shahidatul Akham Rambeli.



**REFORMASI PENTADBIRAN INSTITUSI ISLAM
DAN PERANAN RAJA-RAJA**
25 MAC 2022

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



Untuk menonton semula:



Sinergi antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam diperhebatkan dengan penganjuran webinar berjudul Reformasi Pentadbiran Institusi Islam dan Peranan Raja-Raja, pada 25 Mac 2022 jam 10:00 pagi.

Webinar yang telah berlangsung selama dua jam ini mengundang Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz membincangkan perkara 11 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Islam merupakan Agama Persekutuan. Sungguh pun begitu agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Tiga perkara utama yang ditekankan iaitu pertama, Islam adalah agama bagi persekutuan dan persekutuan ada tanggungjawab untuk melaksanakan agama bagi persekutuan tersebut; kedua, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan tidak menafikan kebebasan rakan-rakan yang tidak menganut agama Islam untuk mengamalkan agama mereka tetapi hendaklah menggunakan formula aman dan damai; ketiga, urusan Islam ini boleh dilakukan atau dipanjangkan keseluruhan persekutuan, walaupun ianya berada di bawah payungan naungan duli-duli tuanku raja-raja, ianya boleh dipanjangkan di peringkat persekutuan melalui Yang Dipertuan Agong dan mendapat perkenan majlis raja-raja.

Sejumlah 708 orang penonton telah mengikuti program yang bersiaran secara langsung menerusi dua platform iaitu Facebook dan YouTube.



KUNJUNGAN HORMAT ACIS KEPADA PTAR 25 MAC 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM

Disediakan oleh: Asmah Sabtu



PTAR berbesar hati menerima kunjungan hormat Pengurusan Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporeri (ACIS) pada 25 Mac 2022 hari Jumaat jam 03:00 petang.

Seramai lima orang Pengurusan Kanan ACIS yang diketuai oleh Dekan ACIS, YBhg. Profesor Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani dan tujuh orang staf daripada PTAR yang diketuai oleh Encik Ahamad Zuber Mohamed telah membincangkan perkara berkaitan inisiatif perkhidmatan perpustakaan, program Happy Learning@Library, penyerahan bahan harta intelek dan bahan waqaf sebagai koleksi digital PTAR.

Sesi kunjungan yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat PTAR ini bertepatan dengan pelantikan baharu Dekan ACIS berkuatkuasa 15 Mac 2022 yang lalu.

Sesi perbincangan ini telah berjaya memberi pencerahan antara kedua belah pihak disamping memperkuuh jalinan kerjasama demi manfaat pelajar dan pensyarah ACIS.





Pada 30 Mac 2022, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) telah mengadakan satu program iaitu Program RAP News@PTAR yang telah dijalankan di ruang lobi aras 3, PTAR. Program ini berlangsung selama 30 minit bermula jam 1:00 tengahari hingga jam 1:30 tengahari.

Program RAP News@PTAR ini disertai oleh lima orang pelajar daripada Fakulti Komunikasi & Pengajian Media (FKPM) dan diiringi seramai tiga orang pensyarah pengiring. Encik Mohd Khairul Idzwan bertugas sebagai pengacara program ini dengan dibantu oleh Puan Salwa, Puan Adlina dan Encik Shahrul Hairy.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan serta pengalaman kepada pelajar terutamanya pelajar daripada FKPM melatih "Public Speaking" atau bercakap dihadap ramai.

Setiap peserta akan melatih keupayaan 'Public Speaking' berbantuan keratan akhbar dan daya kreativiti bagi menarik perhatian penonton. Setiap peserta yang menyertai program ini akan memperoleh e-sijil sebagai penghargaan dan penyertaan.




**LIBRARY OUTREACH@PTAR BERSAMA WARGA FAKULTI
SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
9 MAC 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PAB, SHAH ALAM




Pada 9 Mac 2022 jam 9.00 pagi, PTAR telah mengadakan Program Library Outreach@PTAR Bersama Warga Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur (FSPU). Program ini merupakan satu jalinan kerjasama diantara Bahagian Komunikasi Korporat, PTAR, PTAR Alam Bina dan FSPU. Program Program Library Outreach PTAR adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkenaan perkhidmatan baharu PTAR kepada warga UiTM.

Program Library Outreach bersama FSPU kali ini adalah berfokus kepada perolehan bahan sibus. Program ini telah dijalankan selama 2 jam secara atas talian melalui platform Webex. Seramai 87 orang warga akademik telah menyertai program ini.

Program Library Outreach bersama FSPU ini telah dikendalikan oleh Pn. Nurul Farihah selaku pengacara majlis pada hari tersebut. Sesi dimulakan dengan kata aluan daripada Dekan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Prof. TPr. Dr. Jamalulaili Abdullah. Seterusnya diikuti dengan sesi taklimat perolehan bahan sibus oleh Pn. Asmah Sabtu. Sesi diakhiri dengan sesi soal jawab, maklumbalas dan perkongsian idea diantara kedua pihak.

Banyak maklumat berkenaan perolehan bahan sibus yang dikongsikan bersama warga FSPU. Selain itu, melalui program ini juga PTAR telah menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan-perkhidmatan baharu yang ditawarkan kepada warga UiTM seperti Kelas Kemahiran Maklumat, Sistem Pendaftaran Penyelidikan (PRIMe) dan Book Delivery Services. Diharapkan program kerjasama seperti ini diantara PTAR dan fakulti dapat diteruskan pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan mutu dan perkhidmatan perpustakaan sekaligus menjadi rakan strategik penyelidikan dan penulisan fakulti khususnya dan universiti amnya.



**KUNJUNGAN HORMAT PTAR KE PEJABAT DEKAN
FAKULTI SAINS SUKAN & REKREASI
16 MAC 2022**

Disediakan oleh: Asmah Sabtu

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah membuat Kunjungan Hormat ke Pejabat Dekan Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR) pada 16 Mac 2022 (Selasa) jam 2.30 petang hingga 4.45 petang bertempat di Bilik Seminar.

Barisan Pengurusan PTAR adalah seramai 9 orang yang diwakili oleh Ketua Jabatan, Ketua Bahagian dan Pegawai Perhubungan Perpustakaan. Barisan Pengurusan Fakulti yang turut sama menjayakan sesi ini adalah Dekan, Timbalan Dekan, Para Pensyarah serta Staf Pentadbir seramai 15 orang.

Sesi dimulakan dengan ucapan aluan Dekan FSR iaitu Prof. Dr. Mohad Anizu Mohd Nor diikuti pembentangan oleh Tuan Haji Azizi Jantan selama 2 jam. Pembentangan adalah berkaitan Perpustakaan Digital, Perkhidmatan dan Koleksi juga Inisiatif Baharu PTAR bagi tahun 2022.

Sesi ini juga membuka ruang sesi soal jawab, maklumbalas dan perkongsian idea di antara kedua belah pihak. Selain daripada itu, perkhidmatan Book2U@PTAR turut dijalankan sepanjang sesi ini bagi tujuan pinjaman. Antara koleksi buku-buku terkini adalah berkaitan bidang Sukan dan buku 'Bestseller'.

Diharapkan sesi ini dapat mengeratkan kerjasama di antara kedua belah pihak dalam usaha meningkatkan mutu dan perkhidmatan perpustakaan sekaligus menjadi rakan strategik penyelidikan dan penulisan fakulti khususnya dan universiti amnya.




PROGRAM READ@UiTM ODL HELPER

9 MAC 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK PERDANA, SELANGOR


Disediakan oleh: Nur Fatihah Muhamad



Pada 30 Mac 2022, satu taklimat validasi penerbitan di PRIMe telah dijalankan selama 2 jam bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari. Moderator bagi taklimat ini adalah Puan Nur Fatihah Muhamad, Pustakawan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam manakala panel bagi taklimat ini ialah Puan Siti Rohayu Mohamad Yusof, Pustakawan Kanan di Unit Sokongan Penyelidikan di PTAR UiTM Shah Alam.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk membantu para penyelidik di UiTM dalam menggunakan modul penerbitan bagi mendaftar penerbitan mereka dengan sebaiknya. Disamping itu, Sistem PRIMe merupakan satu sistem baharu yang diperkenalkan bagi menggantikan Sistem PRISMa. Hasil dari taklimat itu, ramai dikongsikan penyelidik yang memberi komen yang positif yang mana sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam mendaftarkan penerbitan di Sistem PRIMe.

Taklimat ini merupakan hasil kerjasama antara PTAR Kampus Puncak Alam dan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Disamping itu juga, ianya dijalankan secara live dan dipancarkan terus di 2 platform berbeza iaitu YouTube PTAR UiTM dan Facebook Rasmi PTAR UiTM Puncak Alam. Seramai 571 views di Youtube dan 319 views di Facebook PTAR UiTM Puncak Alam. Diharap agar taklimat seperti ini dapat diteruskan lagi dimasa akan datang bagi membantu para penyelidik dalam mendaftarkan penerbitan mereka dengan sebaiknya.






Pada 3 Mac 2022 (Khamis), PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah menganjurkan Sesi Perkongsian Ilmu menerusi Bengkel Microsoft® Excel For Beginner yang disampaikan oleh Pembantu Pustakawan, Cik Malisyah Jamal Abdul Nasir. Bengkel ini diadakan di Makmal Komputer 2, PTAR Kampus Rembau dan disertai oleh 11 orang peserta terdiri daripada kakitangan bukan akademik, dengan mematuhi kapasiti dan SOP yang disarankan.

Objektif sesi ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi tunjuk ajar tentang penggunaan Microsoft® Office Excel bagi peserta yang masih belum berkemahiran. Pelaksanaan program ini juga secara tidak langsung menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4; Pendidikan Berkualiti.

Program yang berlangsung selama dua (2) jam tersebut telah memberikan input kepada peserta tentang fungsi asas dalam perisian Microsoft® Office Excel, fungsi baru versi terkini serta tip-tip penggunaan yang boleh diperaktikkan di dalam tugas yang dilaksanakan setiap hari.






Pada 17 Mac 2022 (Khamis), PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau sekali lagi menganjurkan program Read, Knowledge & Share: Book Review yang kini memasuki siri yang ke-6. Program yang berlangsung secara maya itu mengekalkan format asal iaitu menjemput panel-panel pengulas terdiri daripada warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan untuk memberi ulasan serta perkongsian yang mereka peroleh menerusi buku pilihan masing-masing.

Objektif program ini diadakan adalah untuk memupuk budaya membaca di kalangan warga UiTM seterusnya mendukung kepada inisiatif serta visi dan misi di bawah program Read@UiTM. Untuk siri kali ini, program Read, Knowledge & Share telah menjemput tiga (3) orang panel iaitu Puan Faddliza Mohd Zaki, Pensyarah Kanan dari Fakulti Pengurusan Maklumat yang mengulas buku berjudul 'The Fault In Our Stars'; Encik Rosdi Safian, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi & Pengajian Media yang mengulas buku berjudul 'Dewey' serta Puan Nor Haniza Hasan, Pensyarah Kanan dari Akademi Pengajian Bahasa yang mengulas buku berjudul 'The Cure'.

Program yang berlangsung selama satu (1) jam menerusi aplikasi Cisco Webex ini telah banyak memberikan moral serta perspektif baru terhadap buku-buku, yang menarik minat penonton untuk membaca judul-judul yang diketengahkan. Pelaksanaan program ini juga secara tidak langsung menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4; Pendidikan Berkualiti. Penonton boleh menonton semula rakaman program tersebut menerusi saluran YouTube PTAR Kampus Rembau.



READ@UiTM: PIT STOP PTAR KAMPUS REMBAU 31 MAC 2022

Disediakan oleh: Muhammad Shafiq Amirullah

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN

Pada 31 Mac 2022 (Khamis), PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau telah berkampung di Medan Selera, UiTM Kampus Rembau bagi menjayakan aktiviti Pit Stop PTAR Kampus Rembau di mana para pelajar yang berada di kawasan berdekatan boleh terus membuat pinjaman buku-buku pilihan PTAR yang terdiri daripada buku-buku ilmiah dan bacaan ringan.

Objektif aktiviti ini diadakan selari dengan objektif Read@UiTM iaitu untuk memupuk budaya membaca di kalangan warga UiTM khususnya para pelajar baharu yang memasuki kampus untuk memulakan pengajian semester baru.

Aktiviti yang berlangsung selama enam (6) jam tersebut memberi peluang untuk para pelajar membuat pinjaman buku, mengisi masa dengan membaca serta mempromosikan bahan bacaan yang terdapat di dalam koleksi PTAR.



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Universiti
Teknologi
MARA
KAMPUS REMBAU, NEGERI SEMBILAN

PTAR AKAN MENGADAKAN

pit stop

PTAR KAMPUS REMBAU

KHAMIS, 31 MAC 2022
10.00AM - 4.00PM

PEKARANGAN MEDAN SELERA
UITM KAMPUS REMBAU

JUMPA ANDA DI SANA
#JOMPINJAMBUKU

STAY CONNECTED
ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE

[f](#) [w](#) [i](#) [y](#) [r](#) [s](#)

Pit Stop PTAR Kampus Rembau ini buat julung kalinya diadakan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengunjung. Ia membuktikan PTAR kekal komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada pengguna perpustakaan. Diharap agar pelaksanaan aktiviti seperti ini dapat memberi kesedaran kepada pengguna untuk memperbanyakkan penggunaan bahan rujukan yang terdapat di PTAR.

**PROGRAM LIVE@PTAR BICARA SANTAI:
KALAM SENI MELAYU – CAKLEMPONG
22 MAC 2022**

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS SEREMBAN 3, NEGERI SEMBILAN**

Disediakan oleh:



Untuk menonton
semula:



PTAR UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan telah menjalankan PROGRAM LIVE@PTAR BICARA SANTAI: KALAM SENI MELAYU – CAKLEMPONG pada 22 Mac 2022 (Selasa) jam 10.00 pagi – 11.00 pagi, melalui platform Facebook PTAR UiTM Negeri Sembilan & Youtube PTAR UiTM Negeri Sembilan. Program ini dikendalikan oleh Encik Shahirul Mu'iz Rusli, Yang Dipertua Persatuan Waris Adat Perpatih UiTM Cawangan Negeri Sembilan selaku moderator bersama penceramah iaitu Puan Farah Damayanty Ahmad, Penolong Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan

Antara objektif program ini adalah berfungsi sebagai pusat pengurusan pengetahuan (KM) dalam mengumpul dan menyebarkan pengetahuan ‘tacit’ dan pengetahuan ‘explicit’ dalam bentuk program ‘live’ dan warga UiTM boleh membuat rujukan mengenai Kalam Seni Melayu - Caklempong menerusi sosial media (Facebook/Youtube) PTAR pada bila-bila masa. Kedua, memberi pendedahan tentang keunikan instrumen muzik tradisional Caklempong. Ketiga, memartabatkan instrumen muzik tradisional Caklempong agar ia menjadi satu pusaka melayu yang mampu diwarisi oleh generasi kini dan akan datang. Keempat, meningkatkan ketampakan (visibility) Perpustakaan Tun Abdul Razak dari usaha-usaha pembudayaan ilmu. Kelima, menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.

Program ini telah disertai seramai 285 orang peserta. Secara keseluruhannya, program ini akan memberikan pendedahan tentang keunikan dan memartabatkan instrumen muzik tradisional Caklempong agar ia menjadi satu pusaka melayu yang mampu diwarisi oleh generasi kini dan akan datang.



SESI TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM OFFICE AUTOMATION (OA)

2 MAC 2022

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
KAMPUS SEGAMAY, JOHOR

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat



Sistem OA adalah sebuah sistem yang bertujuan untuk merekod Surat Masuk, Surat Keluar dan Surat Bayaran untuk PTJ. Kebiasaannya sistem OA digunakan oleh pentadbiran PTJ. Pegawai yang bertanggungjawab untuk merekod Surat Masuk, Surat Keluar dan Surat Bayaran perlu mengisi borang tersebut di dalam sistem OA. Satu notifikasi akan dihantar melalui email untuk tindakan terhadap surat tersebut.

Seorang Moderator akan dilantik untuk tujuan pengemaskinian akses dan kumpulan pada sistem OA jika berlaku pertukaran pegawai bertanggungjawab. Dari segi keselamatan, untuk sistem OA ini, hanya pegawai tertentu diberi akses untuk melihat keseluruhan surat di PTJ. Laporan boleh dijana dari sistem OA dalam bentuk Excel yang boleh memudahkan manipulasi data oleh pengguna. Carian sememangnya amat mudah dilakukan mengikut keperluan yang dikehendaki.

Perpustakaan Tun Dr. Ismail dengan kerjasama Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Johor telah menganjurkan sesi Taklimat Penggunaan Office Automation. Sesi ini mensasarkan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ), Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) dan Pembantu Operasi sebagai peserta.

Taklimat ini telah diadakan secara bersemuka, yang dibahagikan kepada 3 slot dan berikut adalah maklumat berkaitan :

Slot	Tarikh/ Masa	Tempat	Peserta
Slot 1	22 Mac 2022 10.00 am	Makmal Komputer CLL2, Bangunan Sri Laksamana	16 orang
Slot 2	22 April 2022 2.30 pm	Makmal Komputer CLL2, Bangunan Sri Laksamana	13 orang
Slot 3	6 April 2022 10.00 am	Makmal Komputer, PTDI 2	21 orang

Puan Mimi Hasliah binti Mohd Shahari, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan merupakan penceramah jemputan, manakala Puan Norzahira binti Mohd Razali, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat berperanan sebagai Fasilitator. Puan Siti Rozana binti Mat Sanat, Pustakawan Kanan turut menjelaskan tentang Rekod Kualiti Masuk Masuk (RQM) dan Rekod Kualiti Keluar (RQK).

Semoga dengan sesi perkongsian ini akan membantu setiap Bahagian/Unit untuk menguruskan surat keluar/masuk dengan lebih mudah.





Pada 31 April 2022, Perpustakaan Tun Dr Ismail UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang, Budi Disanjung untuk Encik Wan Abdul Rahim bin Wan Omar. Beliau merupakan staf Pembantu Operasi di Perpustakaan Tun Dr Ismail, UiTM Cawangan Johor. Beliau telah berkhidmat di UiTM selama 37 tahun (Dis 1983 – 12 April 2022).

Berikut adalah maklumat perkhidmatan beliau:

Disember 1983 hingga 1984 – Pekerja Harian (Asrama & Fasiliti)
1/7/1985 – Pekerja Asrama & Bangunan (Asrama & Fasiliti)
1/7/1986 – Pelayan Asrama (Asrama)
1/1/1989 – Pembantu Am Rendah (Fasiliti)
1990 hingga 1998 – Pembantu Am Rendah (Perpustakaan Tun Dr Ismail)
1/7/2009 – Pembantu Am Pejabat Kanan (KUP) (Kolej)
1/11/2013 – Pembantu Operasi (Kolej)
2016 hingga 12/4/2022 – Pembantu Operasi (Perpustakaan Tun Dr Ismail)



Beliau dikenali sebagai seorang yang ceria, ringan tulang dan mudah bekerjasama dengan sesiapa sahaja. Persaraan beliau begitu dirasai dan tiada kata dapat diungkap melainkan doa dari kejauhan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan atas segala jasa, keringat, pengorbanan Encik Wan Abdul Rahim sepanjang berkhidmat di UiTM Johor umumnya dan Perpustakaan Tun Dr Ismail khasnya. Kami warga PTDI mengucapkan Selamat Bersara dan didoakan moga beliau diberi kesihatan dan dilimpahkan rahmat oleh Allah.



**KUNJUNGAN HORMAT (SIRI I): BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP), UiTM CAWANGAN JOHOR
31 MAC 2022**

Disediakan oleh: Siti Rozana Mat Sanat

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
KAMPUS SEGAMAT, JOHOR

**PROGRAM
KUNJUNGAN
TERHORMAT #SIRI 1**

BERSAMA MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR BAGI TUJUAN PROMOSI
KEMUDAHAN & PERKHIDMATAN
PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL,
UITM SEGAMAT, JOHOR

- Tarikh : 31 Mac 2022 (Khamis)
- Masa : 2.30 petang
- Peserta : Majlis Perwakilan Pelajar,
UITM Cawangan Johor

Menyediakan Potensi

Membentuk Minah Adapun

STAY CONNECTED



Pada 31 April 2022, satu sesi Kunjungan Hormat Bersama MPP UiTM Cawangan Johor telah diadakan dengan tujuan mempergiatkan promosi serta hebatan tentang kemudahan dan perkhidmatan terkini Perpustakaan. Sesi ini melibatkan seramai 20 orang MPP yang diadakan secara bersemuka bagi MPP Kampus Segamat dan atas talian bagi MPP Kampus Pasir Gudang.

Program ini dimulakan dengan sesi suai kenal antara Pengurusan Perpustakaan Tun Dr Ismail dan MPP. Program diteruskan dengan ucapan aluan daripada Puan Mawar Noor binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan disusuli dengan penerangan berkaitan Perkhidmatan Perpustakaan oleh Puan Noredayu binti Rosli, Pustakawan Kanan. Taklimat Perpustakaan Digital telah disampaikan oleh Puan Siti Rozana binti Mat Sanat. Selain mendengar taklimat, pelajar turut melakukan aktiviti secara hands on bagi berkunjung secara maya ke portal Perpustakaan, memuat turun artikel jurnal, dan menggunakan My Knowledge portal.

Di akhir program, pelajar diberi peluang untuk memilih dan seterusnya membuat pinjaman buku yang telah disediakan.

Diharap dengan sesi ini memberi pengetahuan berkaitan inisiatif Perpustakaan Digital yang ditawarkan oleh Perpustakaan kepada pelajar di samping dapat membantu mereka memahami fungsi dan peranan setiap inisiatif dalam menyokong pengajaran, pembelajaran serta penyelidikan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MPP UiTM Cawangan Johor dan semoga jalinan kerjasama ini berpanjangan.



PAMERAN MAYA: SEJARAH KESULTANAN MELAYU PAHANG SE PANJANG MAC 2022

Disediakan oleh: Roshairi Che Razali

**BULETIN
IQRa**

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah melancarkan satu pameran maya bertajuk: **SEJARAH KESULTANAN MELAYU PAHANG** di laman sesawang Perpustakaan Al-Bukhari (PAB).

Pameran ini dijalankan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang Sejarah Kesultanan Melayu Pahang. Ini adalah salah satu alternatif yang digunakan oleh pihak PAB dalam menambah pengetahuan umum tentang Sejarah Kesultanan Melayu Pahang.

Untuk ke pautan pameran maya:



This screenshot shows a page from the digital exhibition. At the top left is the 'made with FLIPHTML5' logo. The main title 'KESULTANAN MELAYU PAHANG' is at the top center. Below it is a section titled 'PENGENALAN' with a short paragraph about Pahang's history and its location. To the right is a large map of Southeast Asia with a focus on the Malacca Straits and the location of Pahang. A photo of a traditional building is at the bottom. The footer contains navigation icons and a page number '2-3/30'.

**LIBRARY OUTREACH & KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UiTM PAHANG 2021/2022**
1 MAC 2022

Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG**



Pada 1 Mac 2022, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar MPP UiTM Pahang. Kunjungan hormat ini terdiri daripada 15 orang Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Pahang dan disantuni oleh Pn. Rosnita Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan, bersama Pustakawan Kanan Pn. Norfitriah Mat Seman dan En. Mohd Fadli Samsudin.


Antara objektif utama kunjungan hormat ini adalah bagi memberi pendedahan kepada MPP berkenaan perkhidmatan yang ada disediakan di Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka.

Selain itu, ini juga bagi mencapai keperluan Library Outreach PAB yang mana jalinan perhubungan antara fakulti dan PAB perlu dipereratkan dengan pelbagai program akan datang sekaligus menyokong SDG 17: Partnership for goals.



Pada 8 Mac 2022 (Selasa), Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah menganjurkan Program siaran langsung Vitamin Jiwa@PAB Siri 1/2022 yang bertajuk Syaaban: Rehearsal Untuk Ramadhan. Program siaran langsung ini dijalankan secara atas talian melalui platform Facebook Live Stream.


Penceramah jemputan untuk program ini ialah Ustazah Siti Yuhanis Suhani binti Ibrahim, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka. Manakala moderator ialah Cik Nur Syazani Ishmah binti Mohd Kamal Pelajar Latihan Industri Perpustakaan Al-Bukhari kampus Jengka.



Objektif program ini ialah pembudayaan ilmu dan perkongsian pengetahuan atau wakaf ilmu yang melibatkan semua warga UiTM. Program ini bertujuan untuk membantu dalam pembentukan warga UiTM yang beriman dan bertakwa.

Program yang berlangsung selama satu (1) jam ini telah mengupasarkan pelbagai keistimewaan bulan Syaaban dan lima (5) amalan yang boleh dilakukan di bulan Syaaban.

Pelaksanaan program ini juga secara tidak langsung menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4: Quality Education dan Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-17: Partnerships For The Goals



KURSUS ASAS PENGURUSAN FAIL & REKOD PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) & PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ)

15 - 16 MAC 2022

Disediakan oleh: Roshairi Che Razali

**BULETIN
IQRA**


PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG



Pada 15 dan 16 Mac 2022 (Selasa & Rabu), 8.30 pagi hingga 4.30 petang Unit Arkib Cawangan (UAC) Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Pahang telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Fail & Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) & Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) kepada semua staf yang telah dilantik oleh UAC.

Kursus Asas ini dikendalikan oleh Puan Azniza Binti Mohamad Nor, Pegawai Arkib daripada Jabatan Arkib Universiti (JAU), UiTM Shah Alam. Kursus ini disertai hampir 100 orang staf yang dilantik PRJ & PTRJ daripada Kampus Jengka, Kampus Raub dan juga terbuka kepada cawangan lain. Kursus ini telah dikendalikan secara atas talian melalui platform Cisco Webex Perpustakaan Al-Bukhari.

Objektif utama kursus ini adalah untuk menerangkan secara terperinci proses yang terlibat dalam pengurusan fail dan rekod secara teori, serta memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod seperti mana yang diperuntukkan di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Diharapkan dengan penganjuran kursus ini dapat memberi input yang bermanfaat kepada peserta dalam menguruskan tugas-harian dan mempraktikkan cara kerja yang lebih efisien.



Hari Pertama Kursus Asas, 15 Mac 2022 (Selasa)

Hari Kedua Kursus Asas, 16 Mac 2022 (Rabu)

**SELAMAT DATANG DAN SELAMAT BERTUGAS
16 MAC 2022**

Disediakan oleh: Noor Azliza Binti Aziz

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
KAMPUS JENGKA, PAHANG**



*Selamat Datang &
Selamat Bertugas*

**CIK MUNIRATUL HUSNA BINTI MOHAMAD ZAKI
PUTAKAWAN GRED S41**

*ke
PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN PAHANG*

*dari pada
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
DAN SELURUH WARGA PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN PAHANG*



libraryalbukhari libuitmpahang puitmpahang <https://pahang.library.uitm.edu.my/>


Pada 16 Mac 2022, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah menerima kedatangan staf baharu Pustakawan (S41), Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki. Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang mengucapkan selamat datang serta selamat berkhidmat dengan penuh dedikasi dan cemerlang kepada Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki.



Pada 25 Mac 2022, jam 11.00 pagi Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan Taklimat Literasi Maklumat sempena Minggu EDU 5.0 secara atas talian kepada 373 orang pelajar baharu Diploma dan Sarjana Muda.

Taklimat yang dikendalikan oleh Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki, Pustakawan dari Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar baharu berkaitan perkhidmatan atas talian serta koleksi digital yang disediakan oleh Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang seiring dengan Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education.

Sesi taklimat ini juga dimeriahkan lagi dengan kuiz atas talian (Quizizz) yang dikendalikan oleh lima (5) orang pelajar Latihan Industri di Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka bagi menarik minat para pelajar untuk lebih faham serta mampu aplikasikan pengetahuan tersebut di masa akan datang. Semoga taklimat Literasi Maklumat ini dapat membantu mahasiswa dan mahasiswi sepanjang sesi pembelajaran mereka di UiTM Cawangan Pahang.






Taklimat Library Outreach bersama Pelajar Pra Pengajian Tinggi yang dihadiri seramai 47 orang pelajar mahasiswa UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka telah berjaya diadakan pada 30 Mac 2022, jam 4.30 petang.

Taklimat atas talian yang dikendalikan oleh Cik Muniratul Husna binti Mohamad Zaki, Pustakawan dari Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar baharu berkaitan perkhidmatan fizikal dan atas talian serta koleksi digital yang disediakan oleh Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang. Perkongsian berkaitan perkhidmatan atas talian dari portal MyKnowledge Management (MyKM) ini dikongsikan tentang cara pencarian bahan rujukan dari online database, pencarian e-book, pencarian kertas soalan peperiksaan serta cara pencarian buku berbentuk fizikal menggunakan sistem OPAC. Selain itu, para pelajar juga didedahkan dengan kemudahan serta perkhidmatan fizikal yang boleh digunakan sewaktu hadir secara fizikal di Perpustakaan Al-Bukhari, Kampus Jengka dan Perpustakaan Tun Abdul Razak, Kampus Raub.

Semoga taklimat Library Outreach ini dapat membantu para pelajar sepanjang sesi pembelajaran mereka di UiTM Cawangan Pahang seiring dengan Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education.



Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

The poster features the logo of Universiti Teknologi MARA (UiTM) and the 'Read@UiTM' logo. It includes the text 'Cawangan Terengganu Campus Kuala Terengganu'. Below this is the 'SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS' logo with icons for various goals. The main title 'PROGRAM READ@UITM' is displayed in large blue letters. Underneath it, the subtitle 'BICARA BUKU BERSAMA' is written in blue and yellow. A circular portrait of Pn. Raja Hasnah Binti Raja Mat is shown. To the left of the portrait is a small image of a hot air balloon. Below the portrait, the date '28 MAC 2022 (ISNIN)' and time '10.00 PAGI - 11.00 PAGI' are listed, along with the location 'RUANG BACAAN PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN'. The author's name, 'Ainon Mohd.', is also mentioned. At the bottom, there are social media icons for Facebook, Instagram, and YouTube, along with the text 'Perpustakaan Cendekian Kuala Terengganu'.



Pada 28 Mac 2022 (Isnin), Perpustakaan Cendekian UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah menganjurkan program Bicara Buku yang bertajuk Kejayaan Dari Dalam. Program ini dikendalikan oleh Puan Salwa Munira Binti Haron@Yong, Pembantu Pustakawan selaku moderator. Bicara buku ini disampaikan oleh Puan Raja Hasnah Binti Raja Mat, Pegawai Psikologi Kanan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Program Bicara Buku yang berlangsung secara fizikal ini mengenai ulasan buku yang bertajuk "Kejayaan Dari Dalam" oleh Ainon Mohd.

Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat membaca di kalangan warga UiTM dan menyokong inisiatif serta visi dan misi di bawah program Read@UiTM. Ia juga dapat mengeratkan ukhwah dan jaringan yang terjalin antara warga UiTM agar sentiasa berterusan dalam melaksanakan pelbagai program yang berimpak tinggi pada masa hadapan.

Program Bicara Buku yang berlangsung selama sejam mendapat maklumbalas yang baik dari peserta terutamanya staf UiTM yang menyertai sehingga selesai program. Semoga perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua warga UiTM untuk membaca dan menambah ilmu pengetahuan. Program ini juga dapat menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) iaitu SDG ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti. Penonton boleh menonton semula rakaman program tersebut menerusi saluran YouTube PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKKT.

Semoga perkongsian yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan memupuk semangat membaca di kalangan warga UiTM.



Untuk menonton semula:



**LIBRARY OUTREACH: LAWATAN & KHIDMAT RUNDING
PELUPUSAN REKOD JABATAN UiTMCT
2 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IBRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



The image shows a flyer for the 'LIBRARY OUTREACH' event. At the top left is the UiTMCT logo with the text 'Cawangan Terengganu'. Below it, the title 'LIBRARY OUTREACH' is written in a box, followed by 'Lawatan & Khidmat Runding' in blue script. The main heading 'PELUPUSAN REKOD JABATAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU' is centered. Below that, the date '02 MAC 2022 | 10.00 PAGI' and location 'PEJABAT REKTOR' are listed. To the right of the text is a photograph showing stacks of papers and files on shelves in a library or archive setting.

Satu sesi lawatan khidmat runding berkaitan pelupusan rekod jabatan telah diadakan di Pejabat Rektor UiTM cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun pada 2 Mac 2022 (Rabu), jam 10.00 pagi yang lalu. Unit Arkib UiTMCT diwakili oleh En. Md Kamil Ibrahim (Pustakawan Kanan) dan Puan Rohaida Yusof (Pembantu Pustakawan Kanan), manakala Pejabat Rektor diwakili oleh Puan Norazline Awang (Setiausaha Pejabat).

Selain konsultasi khidmat runding pengurusan fail, lawatan kerja berjadual ke unit/bahagian UiTMCT ini juga adalah bertujuan untuk memberi panduan pengurusan fail serta pelupusan rekod di unit/jabatan dengan betul. Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberi pendedahan kepada warga kampus agar dapat menguruskan pelupusan rekod dengan lebih baik pada masa akan datang.



**TAKLIMAT ‘CASE STUDY: A NEW PARADIGM IN WRITING AND PUBLICATION’
8 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU**




Pustakawan Rujukan, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT), telah dijemput oleh Unit Penulisan dan Penerbitan UiTMCT bagi memenuhi slot perkongsian ilmu yang bertajuk ‘Case Study: A New Paradigm in Writing and Publication’ pada 8 Mac 2022. Program yang bermula dari pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang melalui platform Webex Meeting telah dihadiri oleh seramai 64 orang peserta yang terdiri daripada staf akademik UiTMCT.

Sesi perkongsian ilmu ini terbahagi kepada dua slot, dan telah disampaikan oleh:

1. Dr. Nur Sa'adah Muhamad, Penolong Dekan (Kualiti & Strategi), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia
2. Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan UiTMCT.

Turut hadir sebagai moderator iaitu Puan Suraya Ahmad, Pensyarah Kanan UiTMCT. Objektif taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan penulisan dan penerbitan berbentuk kajian kes serta kaedah pencarian maklumat berkaitan melalui pangkalan data atas talian langganan UiTM.



PINJAMAN BERKELOMPOK PERPUSTAKAAN KOLEJ KETENGAH**17 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU

Perpustakaan Kolej Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) telah memohon untuk mengadakan kerjasama dengan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) melalui pinjaman berkelompok. Ini adalah bagi persediaan Kolej KETENGAH menghadapi lawatan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang diadakan pada 17 Mac 2022.

Satu sesi penyerahan rasmi buku pinjaman berkelompok bagi kategori subjek pelancongan telah diadakan oleh Encik Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan kepada Puan Wan Hamieza binti Mohamad Hanapi, Pustakawan Kolej KETENGAH.

Jalinan kerjasama strategik antara KETENGAH dan UiTM Cawangan Terengganu telah terwujud sejak sekian lama. Semoga kerjasama strategik antara perpustakan dari kedua-dua organisasi ini dapat mengekalkan kerjasama yang ada seterusnya memberi impak positif kepada masyarakat setempat seterusnya komuniti kumpulan sasaran yang terlibat.

TAKLIMAT ORIENTASI PERPUSTAKAAN DAN LAWATAN BERPANDU KEPADALAJARBAHARUUiTMCT SESI MAC-OGOS 2022

23 MAC 2022

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun, telah mengadakan Taklimat Orientasi dan Lawatan Berpandu kepada pelajar baharu pada 23 Mac 2022, Rabu yang lalu, setelah hampir dua tahun ianya tidak dilaksanakan secara bersemuka kerana pematuhan kepada perintah kawalan pergerakan pandemik COVID-19.

Pelajar yang terlibat seramai 40 orang adalah terdiri daripada pelajar Pra-Diploma Sesi Mac – Ogos 2022. Objektif utama sesi taklimat dan lawatan ini adalah untuk membolehkan para pelajar menyesuaikan diri dengan suasana, prasana dan kemudahan perkhidmatan Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun serta memberi tunjuk ajar kaedah yang betul untuk menggunakan perkhidmatan secara fizikal maupun akses kepada perpustakaan digital UiTM untuk mereka mendapatkan maklumat asas di sepanjang pengajian di sini. Sesi ini telah dikendalikan oleh staf Unit Perkhidmatan Perpustakaan iaitu Encik Abdul Hadi Idris, Puan Ayuzawahie Amran, Encik Nik Ahmad Kamal Nik Wadi, dan Puan Hafsa Mustafa.

Pihak Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu Kampus Dungun mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar baharu sesi Mac-Ogos 2022 dan berharap semua pelajar dapat memanfaatkan sumber rujukan dan perkhidmatan yang disediakan dengan baik.



PROGRAM LIVE@PCUiTMCT MOTIVASI SANTAI: ILMU & IBADAH**30 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU

Pada 30 Mac 2022 (Rabu), Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah menganjurkan program siaran langsung Motivasi Santai: Ilmu & Ibadah. Program ini merupakan salah satu daripada aktiviti Program Library2U: Read-Reflect-Review.

Program siaran langsung ini dijalankan secara bersempuka di ruang bacaan perpustakaan dan juga atas talian melalui platform Facebook Live Stream Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu.

Pengisian yang disampaikan selama satu jam oleh penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Azarudin Awang, Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, telah menarik lebih daripada tiga ratus peserta atas talian dan empat puluh orang peserta bersempuka.



**TAKLIMAT 'LIBRARY OUTREACH@PERPUSTAKAAN
CENDEKIAWAN, DUNGUN CAMPUS WITH THE LIBRARIAN'
30 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IBRA**


**PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU**



Perpustakaan Cendekianan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun telah dijemput bagi menjayakan program bersama komuniti oleh Unit Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) UiTMCT pada 30 Mac 2022 (Rabu), melalui platform Google Meet dan siaran langsung Facebook ICAN UiTMCT.

Peserta yang terdiri daripada guru-guru dan para pelajar sekolah-sekolah menengah daerah Dungun telah hadir secara maya bagi mendengar perkongsian oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Rujukan, mengenai kemahiran literasi maklumat melalui platform akses terbuka dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan Cendekianan kepada komuniti luar.

Semoga perkongsian ilmu ini memberi manfaat dan membuka peluang ilmu kepada semua yang hadir. Perkongsian ilmu ini juga secara tidak langsung menyokong kepada sasaran Sustainable Development Goals (SDG) yang ke-4 iaitu Quality Education.



**PENJURIAN PERTANDINGAN TOKOH NILAM GURU
SEKOLAH NEGERI TERENGGANU 2022
31 MAC 2022**

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu telah dijemput sebagai juri jemputan oleh wakil Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, bagi sesi Pertandingan Tokoh NILAM Guru Negeri Terengganu 2022 pada 31 Mac 2022, Khamis yang lalu. Selain Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu yang diwakili oleh Cik Asmahani Abdullah (Pustakawan Kanan), panel juri lain yang dijemput pada pertandingan ini ialah dari Perpustakaan Politeknik Kuala Terengganu, dan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

NILAM merupakan singkatan kepada Nadi Ilmu Amalan Membaca yang merupakan program yang dianjurkan sejak 1998 di peringkat sekolah melibatkan kategori pelajar dan guru.

Seramai tujuh orang finalis guru NILAM yang bertanding telah berkongsi resensi buku yang dibaca di hadapan tiga orang juri yang hadir melalui platform Google Meet, dan diakhiri dengan sesi soal jawab bersama panel juri. Mereka ini telah disaring di peringkat daerah seluruh negeri Terengganu sebelum bertanding. Keputusan akhir seterusnya akan diputuskan oleh pihak urusetia dan akan diumumkan kelak dalam majlis rasmi di peringkat negeri.

Semoga kerjasama strategik seperti ini dapat memartabatkan pembudayaan membaca di kalangan komuniti setempat.



LIBRARY2U@GAMEON UiTM CAWANGAN TERENGGANU
28, 29 & 31 MAC 2022

Disediakan oleh: Nurmaisari Che Anuar

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS DUNGUN, TERENGGANU



Sempena Program Library2u: Read-Reflect-Review yang diadakan pada antara Mac dan April 2022, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan pelbagai aktiviti melibatkan pelbagai kumpulan sasaran, khususnya staf. Program ini merupakan penjenamaan semula program Hari Mesra Pengguna yang telah lama tidak dilaksanakan. Walaubagaimana pun, pematuhan SOP pandemik COVID-19 sentiasa dipantau sepanjang aktiviti berlangsung.

Antara aktiviti yang diadakan ialah aktiviti Library2U@GameOn, seperti berikut:-

Game 1: Giant, Snakes, Ladders
Tarikh: 28 Mac 2022, Isnin
Masa: 9.00 pagi hingga 11.00 pagi



Game 2: InfoXplore Race
Tarikh: 29 Mac 2022, Selasa
Masa: 9.00 pagi hingga 11.00 pagi



Game 3: Library Street Soccer
Tarikh: 31 Mac 2022, Khamis
Masa: 9.00 pagi hingga 11.00 pagi




Sememangnya pandemik COVID-19 telah memberi kesan dalam perkhidmatan fizikal organisasi. Justeru, aktiviti seumpama ini diharapkan dapat menarik semula perhatian warga kampus untuk kembali menggunakan perkhidmatan perpustakaan fizikal Perpustakaan Cendekiawan di kalangan warga kampus.

PAMERAN BUKU: BOOK2U – DIABETES**17 MAC 2022**

Disediakan oleh: Mohd Shahnizam Mat Zain

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS BUKIT BESI, TERENGGANU

Pameran Buku: Book2U- Diabetes telah diadakan pada 17 Mac 2022 (Khamis) di Perkarangan Unit Kesihatan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi sebagai tanda sokongan kepada program anjuran Unit Kesihatan, UiTMCTKB iaitu program "Mari Masok Ngan Meksi dan Dressa Baru, Meksi Lame Dok Dilupe Kang" (Mari Masak Bersama Jururawat dan Pembantu Perubatan Baru, Jururawat Lama Tidak Dilupakan) yang bertemakan Diabetes. Pelbagai judul buku berkaitan Diabetes disajikan kepada pengunjung pameran terutamanya buku-buku resipi untuk pesakit diabetes bersesuaian dengan Pertandingan Memasak: Menu Sihat untuk Pesakit Diabetes yang akan diadakan dan maklumat lain berkaitan Diabetes termasuklah pengenalan, rawatan dan cara pencegahan. Bagi menarik ramai pengunjung, perpustakaan juga ada menyediakan 3 (tiga) cenderahati untuk pengunjung bertuah dan 1 (satu) hamper untuk pemenang Peraduan Silangkata: Diabetes.



Bagi Pertandingan Memasak, wakil Perpustakaan dan Bendahari telah bergabung sebagai satu kumpulan iaitu Ala-Khazam dengan menyediakan menu ikan singgang, peria goreng bertelur dan pencuci mulut sagu gula melaka. Selain Pertandingan Memasak, pelbagai acara telah disediakan oleh Unit Kesihatan, antaranya pemeriksaan kesihatan percuma dan ceramah kesihatan oleh Pegawai Kesihatan UiTMCT iaitu Dr Zaizul Hairudi Mohd Zain.



**FBLIVE@PCUiTMCTKBB: SEGMENT BERSAMA PENULIS BUKU
“ANTOLOGI SAJOK LOGHAT TRANUNG & GUANE GAMOK”
20 MAC 2022**

Disediakan oleh: Mohd Shahnizam Mat Zain

**BULETIN
IBRA**

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS BUKIT BESI, TERENGGANU

STAY CONNECTED
ANYWHERE, ANYTIME, ANYONE

READ @UiTM

UiTM di hatik

Cawangan Terengganu

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
KAMPUS BUKIT BESI, TERENGGANU

SEGMENT BERSAMA PENULIS BUKU

ANTOLOGI SAJOK LOGHAT TRANUNG & GUANE GAMOK

MODERATOR
EN. MOHD SHAHNIZAM MAT ZAIN
PUSTAKAWAN KANAN
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN

PANEL JEMPUTAN
EN. SAIFUL AZLI OSMAN
(BEKOK COBBONG)
PENULIS

20 MAC 2022 (AHAD)
10.00 PAGI- 11.00 PAGI

<https://www.facebook.com/putm.bukitbesi>

Perpustakaan Cendekiawan UiTM Bukit Besi
@putm.bukitbesi

puitm_bukitbesi

puitm_bukitbesi

"LibraryforAll"



Untuk menonton semula:



Program siaran langsung di Facebook Perpustakaan Cendekiawan UiTM Bukit Besi membuka tirai tahun 2022 kali ini dengan menampilkan seorang penulis buku tempatan, anak kelahiran Pulau Duyong, Terengganu iaitu En. Saiful Azli Osman atau dikenali dengan nama pena “Bekok Cobbong”. Mengupas intipati dua hasil karya peribadi beliau iaitu “Antologi Sajok Loghat Tranung” dan “Guane Gamok” memberikan inspirasi kepada pembaca dan penutur loghat Terengganu di luar sana untuk mendalami apa yang cuba diketengahkan oleh penulis dalam karya beliau. Selain mengandungi sajak yang berunsur nasihat, jenaka dan berceritakan pengalaman beliau, karya unik beliau juga telah diterbitkan 100% dalam loghat Terengganu.

Bertepatan dengan objektif program ini diadakan, selain menyokong Kempen Read@UiTM, Perpustakaan cuba mengajak pembaca dan penonton di luar sana untuk mencintai bahasa/ loghat tempatan agar tidak luput ditelan zaman dan berkongsi idea, motivasi dan pandangan bersama-sama penulis bagaimana untuk mengorak langkah pertama dalam menghasilkan sesbuah buku. Pada masa yang sama, Perpustakaan juga berhasrat untuk membantu penulis dalam memasarkan hasil karya beliau kepada orang ramai.

Hasil karya graduan Universiti Utara Malaysia ini juga sebenarnya telah mendapat liputan daripada TV Darullman dan mendapat permintaan bukan sahaja di kalangan orang Melayu, malah turut diminati oleh kaum Cina. Turut dikongsikan juga beberapa video pendek deklamasi sajak antaranya daripada pembaca cilik yang mencuit hati mendeklamasikan sajak dalam loghat negeri yang terkenal dengan batik, nasi dagang, keropok lekor dan penyu. Sebelum program berakhir, penulis telah mendeklamasikan 2 sajak pilihan beliau yang dipetik dari 2 (dua) karya beliau dalam loghat Terengganu. Dengan catatan seramai 104 views, program siaran langsung ini berakhir jam 11 pagi.



**COLLABORATIVE WEBINAR ON SLIMS OPEN SOURCE
LIBRARY SYSTEM FOR SIMAD UNIVERSITY LIBRARY
31 MAC 2022**

Disediakan oleh: Dr Muslim Ismail@Ahmad

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
KAMPUS MACHANG, KELANTAN**



Pada 31 Mac 2022, satu kolaborasi antarabangsa antara Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan telah diadakan dengan Perpustakaan SIMAD University, Somalia. Webinar ini berlangsung lebih kurang 2 jam bermula jam 2.30 petang dan dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium Google Meet.

Satu kolaborasi antarabangsa antara Perpustakaan Tengku Anis, UiTM Cawangan Kelantan telah diadakan dengan Perpustakaan SIMAD University, Somalia. Webinar ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan sistem SLIMS iaitu sistem sumber terbuka (open source) yang mampu mengendalikan sistem operasi perpustakaan. Perpustakaan SIMAD University ialah universiti awam yang terulung di Somalia dan pihak mereka amat bersyukur dengan perkongsian ilmu ini.

Penerangan sistem diberikan oleh Dr Mohamad Rahimi yang merangkumi modul pengkatalogan, OPAC, program sistem dan modul-modul lain. Kolaborasi yang julung kalinya diadakan ini ada yang pertama dianjurkan dan diharapkan ada lagi program seumpama ini dilaksanakan di masa hadapan di mana kolaborasi ini juga di bawah SDG 17 : "Partnership for the Goals" serta SDG 4 : "Quality for Education".



LIVE@PTDI: PENJIMATAN ELEKTRIK DI RUMAH, APA LAGI YANG PERLU KITA TAHU?

28 MAC 2022

Disediakan oleh: Nor Azelea Mohd Azahar

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL
PASIR GUDANG, JOHOR



Untuk menonton
semula:



Program Live@PTDI yang bertajuk Penjimatan Elektrik Di Rumah, apa Lagi Yang Perlu Kita Tahu? adalah diletakkan di bawah bicara personaliti PG. Program ini telah berlangsung pada 28 Mac 2022 jam 10.00 pagi.

Panel jemputan iaitu Dr. Rijalul Fahmi bin Mustafa merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik manakala moderator untuk program live ini adalah Cik Nor Azelea Mohd Azahar, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh pasukan Unit Komunikasi Korporat PTDI dan Unit ICT Kampus Pasir Gudang.

Topik perbincangan kali ini adalah berkenaan cara-cara penjimatan elektrik di rumah dan perlaksanaan yang perlu dilakukan oleh setiap isi rumah bagi mencapai objektif ini. Konsep audit tenaga di rumah juga dibawakan oleh panel jemputan ini di mana, setiap rumah itu perlu memeriksa bil-bil elektrik masing-masing selama 6 bulan bagi mengetahui penggunaan elektrik setiap bulan untuk mengkaji faktor-faktor yang menggunakan tenaga dari segi jumlah isi rumah, jumlah hari yang berada di rumah dan cuaca pada bulan tersebut.

Selain itu, segi tiga langkah penjimatan tenaga juga dibincangkan iaitu tahap paling bawah adalah kesedaran bagi setiap isi rumah, tahap ke dua adalah cekap tenaga dan tahap paling tinggi adalah tenaga boleh baharu.




WEBINAR ADVANCE LITERATURE SEARCH USING SCOPUS (LSC 200)

15 MAC 2022

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

BULETIN
IBRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA




PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Unit for Curriculum Affairs and Academic Development (UCAAD), UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Webinar Advance Literature Search using SCOPUS (LSC200) pada 16 Mac 2022 (Rabu), jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari secara atas talian melalui platform Cisco Webex. Program ini juga terbuka kepada semua pelajar / staf akademik / penyelidik.

Webinar telah disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan kehadiran seramai 205 orang peserta dari pelbagai organisasi. PTAR sebagai sebuah perpustakaan akademik menaruh harapan tinggi agar dapat terus memainkan peranan penting bagi memastikan penyediaan perkhidmatan memenuhi teras UiTM dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Terima kasih dan diharapkan semua peserta mendapat manfaat dari program ini.

Module Overview:

1. What's new with SCOPUS
2. Search and analyze topical area in Scopus
3. How to find high impact titles in SCOPUS
4. How to use Scopus Analytics in your research
5. How to find Scopus ID and Orcid ID



PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan program Academic Webinar: Systematic Literature Review: An Overview pada 23 Mac 2022 (Rabu), jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari secara atas talian melalui platform Cisco Webex. Program ini terbuka kepada semua pelajar/staf akademik/penyelidik.

Moderator:

*Encik Mohd Ismail Abidin,
Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM*

Penceramah :

*Dr. Samsul Farid Samsuddin,
Pensyarah Kanan, Universiti Malaya*

The banner features the Universiti Teknologi MARA logo and the Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Melaka logo. It includes the title "ACADEMIC WEBINAR: Systematic Literature Review: An Overview", the date "Date : 23 March 2022 | Wednesday | Time : 10.00 am-12.00 pm", and the platform "Platform : Cisco Webex". It shows two speakers: Dr. Samsul Farid Samsuddin and En. Mohd Ismail Abidin. A QR code is provided for joining the webinar. The banner also states "Free Admission" and "Training Hours are available for UiTM Staff". The participant section notes it is open to all UiTM Members (Student / Academic Staff/ Researcher). It is organized by PTAR UiTM Cawangan Melaka & Bahagian Penyelidikan Dan Jaringan Industri, UiTM Cawangan Melaka. The footer contains logos for various partners and a WhatsApp Business link.

Objektif program:


1. Membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan penulisan akademik dan ilmiah
2. Meningkatkan ketampakan (visibility) Perpustakaan Tun Abdul Razak dari usaha-usaha pembudayaan ilmu.
3. Menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.
4. Seramai 370 orang peserta telah menyertai webinar akademik ini dari pelbagai organisasi dalam dan luar negara. PTAR sebagai sebuah perpustakaan akademik menaruh harapan tinggi agar dapat terus memainkan peranan penting bagi memastikan penyediaan perkhidmatan memenuhi teras UiTM dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Terima kasih dan selamat menulis!!!

**TAKLIMAT PTAR MINGGU EDU 5.0 PTAR UiTM
CAWANGAN MELAKA, KAMPUS ALOR GAJAH
25 MAC 2022**

Disediakan oleh: Hazlin Ibrahim Khan

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA**



PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah telah menjalankan Taklimat PTAR Minggu Edu 5.0 PTAR UiTM Cawangan Melaka pada 25 Mac 2022 (Jumaat), bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari secara atas talian melalui platform Cisco Webex.

Program yang telah dihadiri seramai 528 orang pelajar baharu ini telah dikendalikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan dan Puan Maznah Maarof, Pustakawan Kanan PTAR UiTM Cawangan Melaka dengan dibantu oleh Pembantu Pustakawan Kanan, Puan Roslinah Harun dan Puan Aidah Yazid.

Objektif utama program adalah memberi pendedahan awal kepada pelajar baharu berkaitan perkhidmatan PTAR UiTM terutama sekali perkhidmatan perpustakaan digital selaras dengan sesi pembelajaran Open Distance Learning (ODL), sumber pencarian maklumat yang tepat, pengaksesan portal My Knowledge Management yang akan membantu proses pembelajaran pelajar dan pelbagai sumber maklumat Open Access.

Pelajar juga boleh melayari Virtual Exhibition yang disediakan dengan tajuk yang bersesuaian untuk pelajar seperti Pameran Maya : Fahami Gejala Kelesuan Di Kalangan Pelajar, Virtual Exhibition : Study Tips and Useful Apps For ODL Students dan Tips Peperiksaan.



**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA MAJLIS PERWAKILAN
PELAJAR (MPP) UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA**
4 MAC 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz


**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya sesi 2021/2022 pada 4 Mac 2022. Kunjungan hormat yang diketuai oleh Yang di-Pertua MPP Mohamad Zulhilmie Abdul Razak, Muhammad Yusuf Zulhasny (Naib Yang di-Pertua), Liyana Nadhirah Mohd Hasmadi (Setiausaha) dan Natasya Suraya Suffwan (Bendahari) bertujuan memperkenalkan barisan lantikan baru MPP Kampus Bandaraya bagi sesi kali ini.

Dalam pertemuan singkat ini, perbincangan dua hala antara MPP UiTM Kampus Bandaraya dengan pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya melibatkan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTAR dan cadangan untuk mengadakan program kerjasama. Secara tidak langsung, hasil daripada perbincangan ini dapat menambah baik mutu perkhidmatan perpustakaan pada masa hadapan. Diharap perjumpaan ini mampu memberikan impak positif kepada kedua-dua belah pihak dalam usaha meningkatkan mutu dan kepelbagaiannya perkhidmatan perpustakaan kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka khususnya warga Kampus Bandaraya.



PROGRAM LIVE@PTAR SIRI 1/2022: SEGMENT BERSAMA PAKAR “MINDA LESTARI”: UBAH PERSEPSI, ELAK SPEKULASI

9 MAC 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz

BULETIN
IQA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Pada 10 Mac 2022 telah berlangsung Program Live@PTAR Siri 1/2022: Segmen Bersama Pakar “Minda Lestari”: Ubah Persepsi, Elak Spekulasi, Anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Melaka Dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Melaka.

Objektif program ini dianjurkan adalah untuk membantu pembinaan karakter diri yang positif, apabila menghadapi situasi negatif. Bagaimana supaya tidak mudah melatah dan tidak cepat menghukum. Seterusnya, memberi pendedahan kepada peserta mengenai kemahiran berfikir dengan rasional, menilai sesuatu situasi dengan lebih objektif bagi mengelakkan konflik.

Moderator:

Puan Aiennatul Mardhiyah Abdul Wahab

Kaunselor Kanan

Unit Kerjaya dan Kaunseling

UiTM Cawangan Melaka

Panel Jemputan:

Encik Ahmad Termizi Ab Aziz

Timbalan Pengarah

Pusat Perancangan Strategik Dan Penggurusan Sistem Kualiti (SPaQM)


UniSZA Terengganu



Untuk menonton semula:



Seramai 1656 orang telah menyertai program ini dan peserta terdiri daripada kakitangan UiTM dan peserta dari agensi luar.



TAKLIMAT PTAR MINGGU EDU 5.0 PTAR UiTM KAMPUS BANDARAYA MELAKA

25 MAC 2022

Disediakan oleh: Siti Haidah Md Aziz


**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS BANDARAYA, MELAKA



Bersempena Minggu EDU 5.0, Taklimat Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka yang bertajuk "Information Literacy Class" telah dijalankan secara atas talian. Sesi Taklimat ini diadakan pada 25 Mac 2022 pada jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Seramai 366 pelajar telah menghadiri taklimat ini. Program yang dikendalikan oleh Puan Siti Haidah Md Aziz, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Puan Siti Adawiyah Salim dari Unit Rujukan, Sokongan Penyelidikan & Literasi Maklumat Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa baru tentang cara untuk mendapatkan maklumat serta bahan rujukan daripada laman sesawang rasmi Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, strategi pencarian yang tepat, pemilihan maklumat daripada sumber yang sah serta cara penyimpanan maklumat yang lebih sistematik dan menjimatkan masa para pelajar.

Antara intipati taklimat tersebut adalah pengenalan mengenai cara pencarian maklumat menggunakan perkhidmatan My Knowledge Management (MyKM) iaitu merupakan salah satu perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh pihak perpustakaan dan koleksi digital. Mahasiswa juga telah didedahkan dan diberikan simulasi mengenai cara untuk mencari maklumat atau bahan rujukan dengan menggunakan perkhidmatan atas talian yang terdapat dalam MyKM. Turut didedahkan juga Perkhidmatan Kelas Kemahiran Maklumat (KKM) iaitu sesi pembelajaran yang membantu para pelajar berfokuskan kepada teknik pencarian bahan dan mengenalpasti kaedah pencarian yang bersesuaian dengan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Perkhidmatan ini adalah percuma ini dan diharapkan dapat membantu mahasiswa UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya untuk lebih bersedia sebelum sesi pembelajaran bermula.



PAMERAN MAYA: SEJARAH ISRAK & MIKRAJ

1 MAC 2022

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menyediakan pameran maya bertajuk "Sejarah Israk dan Mikraj". Pameran ini diadakan sempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku pada malam Isnin, 27 Rejab, kira-kira 18 bulan sebelum hijrah. Pada 1 Mac 2022, peristiwa ini disambut oleh umat Islam di Malaysia bagi memperingati peristiwa yang sangat luar biasa yang telah dilalui Rasulullah S.A.W. pada tahun ke-11 kerjasulan Baginda.

Objektif pameran ini diadakan bagi memperingati peristiwa Nabi Muhammad S.A.W. berjalan malam dari al-Masjid al-Haram ke al-Masjid al-Aqsa. Peristiwa ini memberi kita banyak peringatan untuk dihayati oleh seluruh umat manusia supaya kita sentiasa berpegang teguh akan suruhan dan larangan Allah SWT. Selain itu, secara tidak langsung pameran ini dapat menerapkan dan menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia. Pameran maya ini boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition.

Peristiwa Israk dan Mikraj bukan hanya sekadar sebuah kisah sejarah yang diceritakan kembali setiap kali 27 Rejab menjelang. Adalah lebih penting untuk kita menghayati pengajaran di sebalik peristiwa tersebut bagi meneladani perkara yang baik dan menjauhi perkara yang tidak baik. Peristiwa Israk dan Mikraj yang memperlihatkan pelbagai kejadian aneh yang penuh pengajaran seharusnya memberi keinsafan kepada kita agar sentiasa mengingati Allah dan takut kepada kekuasaan-Nya.

Selain itu, Pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka juga telah menyediakan Kuiz Pameran Maya: Sejarah Israk & Mikraj bagi menguji kefahaman warga UiTM mengenai peristiwa Israk & Mikraj. Kuiz ini telah bermula pada 4 Mac 2022 dan akan berakhir pada 11 Mac 2022. Peserta terbuka kepada semua warga UiTM dan hadiah menarik bakal menanti pemenang bagi kategori staf dan pelajar.

KUIZ PAMERAN MAYA SEJARAH

Israk Et Mikraj

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS JASIN

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Peserta terbuka kepada semua warga UiTM
2. Sila jawab semua soalan yang diberikan
3. Peserta akan dilihubung sekranya berjaya
4. Tarikh tutup penyertaan 11 MAC 2022
5. Sila layari laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka (Virtual Exhibition) / <https://melaka.library.uitm.edu.my/>

HADIAH MENARIK MENANTI PEMENANG KATEGORI STAF & PELAJAR

SILA IMBAS QR CODE

Untuk ke pautan pameran maya:



Pada 18 Mac 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah mengadakan Program Library Outreach bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Seramai 4 orang pelajar yang menjadi wakil MPP dari UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin iaitu:

**Mohamad Syahiran Azizan – Naib Yang Dipertua
Nuraini Rasyidah M.Razali – Bendahari Kehormat
Zulfazdlie Mohd Fawdzi – Setiausaha Eksekutif
Ahmad Azizul Azman – EXCO Keusahawanan & Inovasi**

Program ini berlangsung lebih kurang 2 jam bermula jam 9.00 pagi, dimulai dengan ucapan kata aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan. Taklimat perpustakaan serta sesi perbincangan dua hala juga telah dijalankan. Program telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium Cisco Webex.

Topik perbincangan bertumpukan mengenai cadangan penambahbaikan, perancangan, kerjasama serta sokongan program atau aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tahun 2022.

PTAR berharap program ini dapat menjalinkan hubungan yang baik antara Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan semoga jalinan ini dapat membantu PTAR dalam menyebarluas perkhidmatan digital perpustakaan kepada semua pelajar UiTM Cawangan Melaka terutama pelajar Kampus Jasin.

PTAR sentiasa berusaha meningkatkan capaian perkhidmatannya kepada pelanggan melalui perkhidmatan terkini yang sesuai dengan keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UiTM serta menyokong kepada keperluan maklumat sepanjang tempoh ODL para pelajar.



**LAWATAN DARIPADA IBU PEJABAT POLIS BANTUAN,
UiTM SHAH ALAM KE UNIT ARKIB CAWANGAN MELAKA
23 MAC 2022**

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQRA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA**



Pada 23 Mac 2022 (Rabu), Unit Arkib Cawangan Melaka telah menerima kunjungan tujuh (7) orang staf dari Ibu Pejabat Polis Bantuan, UiTM Shah Alam yang diketuai oleh DSP/PB Tuan Sokri bin Sulaiman, Timbalan Pegawai Keselamatan, UiTM Shah Alam.

Lawatan ini diadakan adalah untuk mengetahui keseluruhan berkaitan dengan Pengurusan Rekod Universiti di UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, mereka juga berhasrat mendapatkan pendedahan dan amalan terbaik bagi proses pembangunan dan pengurusan rekod dan arkib universiti.

Mereka juga telah dibawa untuk meninjau persekitaran Unit Arkib Cawangan Melaka bagi melihat koleksi-koleksi yang dipamerkan. Lawatan ini juga telah memberi input kepada mereka dalam usaha menguruskan koleksi yang ada di Ibu Pejabat Polis Bantuan, UiTM Shah Alam.



TAKLIMAT LITERASI MAKLUMAT MINGGU EDU 5.0
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN
25 MAC 2022

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA


Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman



PTAR UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin telah menjalankan Taklimat Literasi Maklumat Minggu Edu 5.0 untuk pelajar baharu UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin PTAR Minggu Edu 5.0 PTAR UiTM Cawangan Melaka bagi Fakulti Sains Komputer & Matematik dan Fakulti Perladangan & Agroteknologi pada 25 Mac 2022, jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari melalui platform Online Cisco Webex.

Taklimat yang telah dihadiri seramai 411 orang pelajar baharu ini telah dikendalikan oleh Cik Ilya Nur Fateen binti Othman, Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dengan dibantu oleh Pembantu Pustakawan, Encik Ahmad Zahari bin Rosly.

Objektif utama taklimat ini adalah memberi pendedahan awal kepada pelajar baharu berkaitan dengan perkhidmatan PTAR UiTM terutama sekali perkhidmatan perpustakaan digital selaras dengan sesi pembelajaran Open Distance Learning (ODL), sumber pencarian maklumat yang tepat, pengaksesan portal My Knowledge Management yang akan membantu proses pembelajaran pelajar dan pelbagai sumber maklumat Open Access.



**KUNJUNG HORMAT KE PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA
KAMPUS JASIN BERSAMA PENOLONG REKTOR
28 MAC 2022**

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA**



Pada 28 Mac 2022 PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan Kunjung Hormat Kepada Penolong Rektor UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin, Dr. Siti Normah binti Awang Tuah. Program ini dijalankan secara talian dengan menggunakan medium webex selama 2 jam. Kunjung Hormat ini merupakan inisiatif PTAR bagi memantapkan Pengurusan Perpustakaan melalui kerjasama dan komunikasi dua hala antara Perpustakaan dengan pihak Pengurusan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin.

Objektif program ini juga adalah untuk mempromosi perkhidmatan sedia ada dan yang baharu iaitu perkhidmatan digital bagi memastikan PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin dikenali dan diketahui oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang ada di UiTM Cawangan Melaka untuk bekerjasama dalam memantapkan Pengurusan Perpustakaan di UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Pengenalan Organisasi PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
2. Laporan Pencapaian PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
3. Aktiviti Sepanjang Tahun 2021 PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin
4. Repozitori Universiti dan Dasar Penyerahan Harta Intelek
5. Pengurusan Rekod Universiti
6. Penyelidikan Universiti
7. Perkhidmatan Digital PTAR
8. Harapan PTAR



**LAWATAN PENANDAARASAN DARI PERPUSTAKAAN LAMAN
HIKMAH (PLH), UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM)
30 MAC 2022**

Disediakan oleh: Ilya Nur Fateen Othman

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS JASIN, MELAKA



Pada 30 Mac 2022, PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima Lawatan Penandaarasan Dari Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Lawatan ini telah disertai oleh 7 orang staf dari Bahagian Perkhidmatan Pengguna, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Arman bin Mohammad.

Objektif utama lawatan ini adalah memfokuskan kepada meninjau dan berkongsi pengalaman daripada perpustakaan akademik lain melalui aspek pengurusan kaunter, pengurusan ruang, pembaikan bahan, perkhidmatan rujukan, promosi dan perancangan strategik perpustakaan. Disamping itu, lawatan ini dapat mengeratkan silaturahim dan berkongsi idea serta isu mengenai cabaran yang dihadapi.

Diharapkan hasil dari lawatan ini dapat membina jaringan kerjasama baik antara kedua pihak perpustakaan akademik seterusnya memacu kecemerlangan operasi serta tadbir urus perkhidmatan perpustakaan.



BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN PUSAT SUMBER KOLEJ KOMUNITI TAPAH BERSAMA PTAR TAPAH 2 MAC 2022

Disediakan oleh: Nur Dayana Mohd Narwawi

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS TAPAH, PERAK




Bengkel Pemantapan Pengurusan telah diadakan di antara pihak Pusat Sumber Kolej Komuniti Tapah dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah pada 2 Mac 2022.

Penyampaian saguhati daripada pihak Pusat Sumber Kolej Komuniti Tapah kepada PTAR Kampus Tapah



Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk memantapkan lagi pengurusan Pusat Sumber Kolej Komuniti Tapah dengan perkongsian maklumat daripada pustakawan-pustakawan di PTAR Kampus Tapah. Antara maklumat yang disampaikan adalah seperti pengurusan bahan perpustakaan, pengurusan statistik bulanan, proses peminjaman dan pemulangan buku dan perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pengguna. Penyampaian maklumat telah disampaikan oleh Puan Nur Aida Rousli (Pustakawan Kanan) dan Puan Nur Dayana Mohd Narwawi (Pustakawan) kepada pensyarah Kolej Komuniti Tapah yang bertanggungjawab mengendalikan Pusat Sumber.

Bengkel selama dua jam ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Perak, Puan Siti Basriyah Shaik Baharudin dan Pustakawan Kanan PTAR Kampus Seri Iskandar, Puan Nur Aqilah Rousli. Pihak pengurusan tertinggi dari Kolej Komuniti Tapah turut menyertai bengkel yang diadakan secara atas talian ini melalui platform Google Meet. Semoga dengan perkongsian maklumat dari PTAR Kampus Tapah ini sedikit sebanyak dapat memberi panduan kepada pengurusan Kolej Komuniti Tapah dalam mengendalikan Pusat Sumber pada masa akan datang.



17 MAC 2022

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam



Pada 17 Mac 2022, PTAR UiTMCPP telah menerima kunjungan daripada Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil bin Rahmat selaku panel pemeriksa luar bagi tujuan pengiktirafan Program Bachelor of Engineering (Hons) Electrical and Electronic Engineering (EE200).

Taklimat ringkas berkenaan kemudahan dan perkhidmatan PTAR UiTMCPP dalam memenuhi keperluan pelajar bagi program tersebut secara khususnya telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan PTAR UiTMCPP. Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairil bin Rahmat juga telah dibawa melawat kemudahan yang terdapat di perpustakaan antaranya Pusat IT, ruangan bacaan, bilik-bilik diskusi serta koleksi bahan bacaan yang terdiri daripada buku-buku rujukan, buku teks dan bahan bacaan umum.

Semoga taklimat dan lawatan berpandu yang telah disampaikan kepada beliau dapat memenuhi objektif lawatan yang telah dijadualkan.



**PAMERAN MAYA: PENERBITAN BERINDEKS SCOPUS UiTM
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS PERMATANG PAUH 2021
SEPANJANG MAC 2022**

Disediakan oleh: Rafidah binti Muhamad Sam

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
PULAU PINANG**



Pameran Maya bagi bulan Mac 2022 kali ini menghimpunkan beberapa artikel berindeks SCOPUS daripada warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh. Ianya bertujuan untuk memudahkan pengaksesan dan capaian artikel berindeks SCOPUS yang terpilih oleh warga kampus.

Selain itu, ia juga sebagai inisiatif menggalakan penulisan dan penerbitan dalam kalangan warga kampus khususnya kepada staf akademik.

Keseluruhannya, penulisan yang diterbitkan ini adalah daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan serta Jabatan Pengurusan Perniagaan.

The image shows two academic papers from the SCOPUS database:

1. Comparative study on mechanical properties of virgin and recycled polylactic acid aging in natural weathering and seawater environment
Author: S. Sudin, H. Jaffer
Abstract: This experimental work derived from previous-based plants literature with attention on biodegradable plastic. The enforcement of new regulations on recycling of non-commodity plastics has increased the demand of polyethylene and PLA. Considering the increasing application of PLA, its deterioration of PLA products also reported to increase. Recycling of PLA wastes is one of the promising alternative for the utilization and sustainability of resources. Therefore, the properties of the recycled PLA (RPLA) and virgin PLA (VPLA) under natural weathering and seawater environments. The properties of VPLA and RPLA were compared in natural weathering and seawater environments for 60 days, and the mechanical properties degradation was measured after 60 days. The results showed that the mechanical properties degradation was measured after 60 days. The mechanical properties of VPLA and RPLA against seawater environment indicated that RPLA has the best mechanical properties. The mechanical properties of RPLA, impact energy, and flexure strength were more enhanced in seawater environment than in natural weathering environment, which suggested that seawater degradation was a more predominant phenomenon than thermal degradation. The elevation on the tensile and flexural properties was observed in the samples for both VPLA and RPLA to natural weathering environment. The mechanical properties of VPLA and RPLA against seawater environment indicated that RPLA has the best mechanical properties. The mechanical properties of RPLA, impact energy, and flexure strength were more enhanced in seawater environment than in natural weathering environment, which suggested that seawater degradation was a more predominant phenomenon than thermal degradation.

2. Network Data Acquisition and Monitoring System for Intensive Care Mechanical Ventilation Treatment
Author: G.A. Chiew, Y.S. Wong, X. Tan, C.P., Nor M.B.M. Domanhuri N.S., Chose J.G.
Abstract: The current trend toward machine learning methods have created tremendous milestones opportunities for enhancement personalized, patient-specific mechanical ventilation (PMV) in the ICU. Thus, this study implemented a framework of real-time data acquisition and processing (RTDAP) during MV treatment. First, three sensors were used to monitor and record the respiratory system, respiratory rate, and patient-specific lung condition (LAMBEAT) to acquire data effectively and to create a massive patient-specific lung condition and ventilation parameters. The collected data acquire were then used to train a machine learning model (ML) to predict the device (MV) and its outcome (survival). The ML model predicted the MV survival rate in a real-time manner. The proposed system will be applied in the hospital setting to help medical staff better monitoring and analysis of clinical MV data, as well as to provide automated levels to assist patient-specific respiratory schedules, as well as to forecast trends among changes in patient conditions. Validating testing (VAT) retrospective data is illustrated how timely to benefit and their varying patient-specific lung condition during MV can be predicted, and in turn, can be used to guide MV treatment. The proposed data acquisition and processing system design provides a better way to handle data collection, processed, available, real-time collection and analysis of healthcare data, to help improve disease tracking, care, and outcome in MV. © 2021 IEEE.

**LIVE@PTAR- BICARA BERSAMA PAKAR MATA:
GLAUKOMA - PENCURI SENYAP PENGLIHATAN
4 MAC 2022**

Disediakan oleh: Wan Rohani Wan Chin

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



Untuk menonton semula:



Pada 9 Mac 2022 (Rabu), Perpustakaan Perubatan Tun Abdul Razak Hospital UiTM dengan kerjasama Jabatan Oftalmologi Hospital UiTM Puncak Alam telah mengadakan program siaran langsung Live@PTAR-Bicara Pakar Bersama Pakar Mata: Glaukoma Pencuri Senyap Penglihatan.

Objektif program adalah untuk membudayakan program ilmiah berteraskan pembudayaan galakan membaca, meningkatkan ketampakan (Visibility) Perpustakaan Tun Abdul Razak dari usaha-usaha pembudayaan ilmu, dan menjadi pusat kecemerlangan bagi program-program pembudayaan ilmu.

Program ini bersiaran secara langsung di laman sosial Facebook dan juga YouTube yang mengupas tentang penyakit mata Glaukoma yang perlu diketahui oleh semua golongan masyarakat. Ianya merupakan penyakit mata yang tanpa disedari boleh menyebabkan kebutaan dan perlu mendapatkan rawatan pakar dengan segera. Justeru, pencegahan awal melalui saringan mata di klinik pakar amat digalakkan terutamanya kepada individu berumur empat puluh (40) tahun ke atas yang berisiko.



**LAWATAN PENANDAARAS SEKSYEN PROJEK KHAS HAB
PENDIDIKAN TINGGI PAGOH KE PTAR KAMPUS PUNCAK ALAM**
9 MAC 2022

Disediakan oleh: Nur Fatihah Muhamad

**BULETIN
IQA**

**PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR**



Pada 9 Mac 2022, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah menerima kunjungan lawatan penanda aras dari Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh. Lawatan itu disertai seramai 25 orang peserta dari Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh dan 8 orang wakil dari PTAR dan pengurusan UiTM Puncak Alam.

Lawatan itu dimulakan dengan taklimat perpustakaan yang diadakan di Dewan Kuliah (DK 500) bertempat di Fakulti Farmasi 2. Usai taklimat, para pelawat dibawa ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bagi sesi Library Tour.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk penambahbaikan perkhidmatan dan koleksi di perpustakaan Seksyen Projek Khas Hab Pendidikan Tinggi Pagoh di samping ianya dapat merapatkan silaturahim serta dapat bertukar-tukar pandangan dan pendapat di kalangan Pendidikan Tinggi dan PTAR.



TAKLIMAT PENGENALAN PERPUSTAKAAN MINGGU EDU 5.0

25 MAC 2022

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR

Disediakan oleh: Nur Fatihah Muhamad



Pada 25 Mac 2022, satu taklimat pengenalan perpustakaan telah diadakan selama satu jam bermula pada jam 3.00 petang hingga 4.00 petang. Taklimat ini dianjurkan oleh Fakulti Pendidikan dan diadakan secara atas talian dipancarkan di YouTube Live EDUTube. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Arshad Bujang iaitu Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, PTAR Kampus Puncak Alam.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pengenalan perpustakaan berkenaan dengan sistem yang digunakan, waktu operasi perpustakaan, program atau aktiviti yang dijalankan di PTAR dan sebagainya kepada para pelajar baharu Fakulti Pendidikan di UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Di samping itu, taklimat ini diadakan adalah bertujuan untuk mempromosikan PTAR di kalangan para pelajar baharu agar mereka dapat menggunakan semua kemudahan yang disediakan di PTAR dalam mencari bahan pembelajaran dan penyelidikan dengan sebaiknya. Seramai 110 orang pelajar baharu telah menyertai program ini.

The screenshot shows a YouTube live stream interface. The video frame displays two men: one in a green shirt and glasses, and another in a dark shirt. The background is a yellow banner for 'Minggu EDU 5.0 @ UiTM'. The video title is '25 Mac 2022 (Sesi Petang) | Minggu EDU 5.0 @ UiTM | Pelajar Baharu Fakulti Pendidikan'. The video has 106 views and was started streaming 8 minutes ago. The channel name is 'EDUTube: Faculty of Education UiTM' with 1.3K subscribers. The video description includes links for 'Slot 1: Pengenalan Perpustakaan dan Literasi Maklumat' and 'Slot 2: Kemahiran Sistem Pendataran Kursus dan Student Portal'. The video player shows standard controls like play, pause, and volume. On the right side of the screen, there is a sidebar with comments from users Farah Aishah, Farah Aishah, and Farah Aishah, all of whom are from 'Faculty of Education UiTM'. The comments are in Indonesian. Below the sidebar, there is a 'Say something...' input field and a 'HIDE CHAT' button. At the bottom of the video player, there is a 'SUBSCRIBE' button and a link to 'EDUTube: Faculty of Education UiTM'.



Untuk menonton semula:



LIVE@PTAR: TAKLIMAT PRIME MODUL PENERBITAN

30 MAC 2022

Disediakan oleh: Nur Fatihah Muhamad

**BULETIN
IQA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
KAMPUS PUNCAK ALAM, SELANGOR

WEBINAR : LIVE@PTAR UTS
TAKLIMAT
PRIME
MODUL PENERBITAN

TARIKH:
29 MAC 2022 (SELASA)
MASA:
10.00 PG - 12.00 TGH
PLATFORM:
FACEBOOK LIVE

MODERATOR:
PUAN NUR FATIHAH MUHAMAD
PUSTAKAWAN
PTAR KAMPUS PUNCAK ALAM
UITM CAWANGAN SELANGOR

PANEL:
PUAN SITI ROHAYU MOHAMAD YUSOF
PUSTAKAWAN KANAN
PTAR KAMPUS SHAH ALAM
UITM SHAH ALAM

E-SIJIL & JAM LATIHAN STAF DISEDIAKAN

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

ANURAN: PTAR UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam | ANJURAN BERSAMA: Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor

STREAMING
LIVE

Untuk menonton semula:



Pada 30 Mac 2022, satu taklimat validasi penerbitan di PRIME telah dijalankan selama 2 jam bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengahari. Moderator bagi taklimat ini adalah Puan Nur Fatihah Muhamad, Pustakawan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam manakala panel bagi taklimat ini ialah Puan Siti Rohayu Mohamad Yusof, Pustakawan Kanan di Unit Sokongan Penyelidikan di PTAR UiTM Shah Alam.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk membantu para penyelidik di UiTM dalam menggunakan modul penerbitan bagi mendaftar penerbitan mereka dengan sebaiknya. Disamping itu, Sistem PRIME merupakan satu sistem baharu yang diperkenalkan bagi menggantikan Sistem PRISMA. Hasil dari taklimat itu, ramai dikongsikan penyelidik yang memberi komen yang positif yang mana sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam mendaftarkan penerbitan di Sistem PRIME.

Taklimat ini merupakan hasil kerjasama antara PTAR Kampus Puncak Alam dan Bahagian Penyelidikan dan Inovasi UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Di samping itu juga, ianya dijalankan secara live dan dipancarkan terus di 2 platform berbeza iaitu YouTube PTAR UiTM dan Facebook Rasmi PTAR UiTM Puncak Alam. Seramai 571 views di Youtube dan 319 views di Facebook PTAR UiTM Puncak Alam. Diharap agar taklimat seperti ini dapat diteruskan lagi dimasa akan datang bagi membantu para penyelidik dalam mendaftarkan penerbitan mereka dengan sebaiknya.



PROGRAM MARKET BUKU**14 - 30 MAC 2022**

Disediakan oleh: Shazmie Huzni Mohd Sidik



Pada 14 – 30 Mac 2022, Unit Perancangan & Pembangunan Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah telah berjaya menganjurkan satu program Read@UiTM: Market Buku yang terbuka kepada semua kakitangan akademik dan pentadbiran UiTM Cawangan Kedah. Program yang berlangsung selama 13 hari ini dilaksanakan di Aras 3, Perpustakaan Sultan Badlishah. Kakitangan yang berminat untuk menyertai program ini telah hadir mengikut tarikh temujanji yang telah dipilih sepanjang tempoh program berlangsung.

Program Read@UiTM: Market Buku yang pertama kalinya diadakan ini dianjurkan berikutan pelaksanaan proses pelupusan bahan perpustakaan yang sedang dilaksanakan oleh Unit Perancangan & Pembangunan Perpustakaan, Perpustakaan Sultan Badlishah. Antara objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada kakitangan UiTM Cawangan Kedah untuk membuat pemilihan bahan-bahan bacaan yang terdapat di dalam senarai pelupusan tersebut. Selain bagi memupuk minat membaca dikalangan warga UiTM Cawangan Kedah, program ini juga dapat memastikan kelangsungan bahan-bahan tersebut agar dapat terus digunakan oleh pembaca walaupun tidak lagi berada dalam koleksi perpustakaan.

Diharap bahan-bahan ini dapat memberi manfaat kepada warga kakitangan UiTM Cawangan Kedah dalam membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan masing-masing.



PROMOSI@PTAR

IQRA'

The screenshot shows the homepage of the External Membership UiTM Library. At the top, it features the university's logo and the tagline "Unleashing Potentials Shaping the Future". Below this, a large banner for "External Membership UiTM Library" is displayed, along with an image of the Malaysian flag and the text "39 UiTM LIBRARIES". To the right, there is a section titled "Payment Method" listing various options like Touch 'n Go, FPX, VISA, MasterCard, Boost, Alipay, kiplePay, and WeChat Pay. In the center, there are two smartphones showing QR codes for "More Info" and "Registration Form", with a call-to-action "SCAN ME". To the right, a laptop screen shows the library's login page. At the bottom left, there is a "Contact Person" section with email addresses for Ms. Siti Salwa A.Rahman and Mr. Mohd Hazri Abd Karim, and a "Customer Service Counter" number. The footer contains logos for various departments and partners.

External Membership UiTM Library

The screenshot shows the homepage of the Electronic Questions Paper System (EQPS) Version 2.0. It features a large smartphone displaying the EQPS app interface, which includes search functions for exam papers by course code, year, and session. To the right, a hand holds a smartphone displaying the same app. Above the phone, the text "INTRODUCING THE NEW EQPS ELECTRONIC QUESTION PAPER SYSTEM Version 2.0" is prominently displayed. A circular badge indicates "21 MARCH 2022". On the right side, a vertical banner says "Check Our New Website". Below the phone, there is a step-by-step guide: "1. Click Sign in with Google" and "2. Click --> Exam Question Paper System (EQPS)". A circular badge at the bottom right shows "COLLECTIONS 85,108 From 2000 - 2021 EXAM PAPERS". At the bottom, a note states: "Note: The system only provides exam papers not ANSWERS SCHEME".

Electronic Questions Paper System Version 2.0 (EQPSv2)



جامعة تunk عبد رازاق
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



UiTM *di hatiku*



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03-5544 3731



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

